

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1991/92**

**Oktober/November 1991**

**IPK 201/3 - Kimia Polimer I**

**Masa: [3 jam]**

---

**Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi  
7 (TUJUH) mukasurat yang bercetak (termasuk Lampiran)  
sebelum anda memulakan peperiksaan ini.**

**Jawab 5 (LIMA) soalan. Semua soalan mesti dijawab di dalam  
Bahasa Malaysia.**

**Maklumat didalam lampiran boleh digunakan untuk menjawab soalan.**

1. (a) Berdasarkan teori statistik dan tindakbalas kinetika, bandingkan dan bezakan pempolimeran langkah tumbuhan asid hidroksi dan pempolimeran homogen radikal bebas stirina dari segi darjah tindakbalas (conversion), panjang rantai purata-nombor  $\bar{x}_n$ , dan indeks polidispersiti. (penerbitan tidak perlu, tetapi persamaan yang terbabit perlu disebut).

[ 80 markah ]

- (b) Kirakan nombor mol minima ftalik anhidrida yang diperlukan untuk menghasilkan gel apabila ditindakbalaskan dengan 1 mol etilina glikol dan 1 mol gliserina.

[ 20 markah ]

2. Perihalkan perkara-perkara di bawah:

- (a) Penghasilan poli (etilina tereftalat) dengan teknik tukar menukar ester (ester interchange technique).

[ 35 markah ]

- (b) Pengklorinan getah asli.

[ 30 markah ]

2. (c) Penghasilan resin novalak fenol formaldehida dan bagaimana resin ini dapat membentuk struktur tersambung silang.

[35 markah]

3. (a) Bagi 2 jenis monomer, A dan B, yang menjalani pengkopolimeran tambahan (addition Copolymerization) tuliskan dan jelaskan semua tindakbalas yang mungkin berlaku.

[20 markah]

- (b) Berdasarkan soalan (a), terbitkan persamaan kopolimer  $\frac{d[A]}{d[B]}$ . Nyatakan anggapan yang dibuat. Apakah maklumat yang boleh didapati daripada persamaan ini?

[60 markah]

- (c) Secara prinsip, bagaimakah anda dapat menghasilkan kopolimer blok  $A_mB_nA_p$  menggunakan monomer stirina dan butadiena melalui pempolimaran anionik?

[20 markah]

4. (a) Namakan bahan-bahan yang biasa digunakan didalam pempolimeran emulsi. Berikan contoh bagi setiap satu bahan dan nyatakan fungsinya.

[30 markah]

4. (b) Mengikut Smith dan Ewart, pempolimeran emulsi dapat dibahagikan kepada 3 peringkat. Lakarkan kadar pempolimeran melawan masa yang merangkumi ketiga-tiga peringkat ini dan jelaskan apa yang berlaku peringkat ke peringkat.

[40 markah]

- (c) Apakah kelebihan pempolimeran emulsi jika dibandingkan dengan pempolimeran homogen larutan, dari segi pengawasan kadar pempolimeran dan purata panjang rantai, bagi pempolimeran satu monomer melalui mekanisma radikal bebas?

[30 markah]

5. (a) Jelaskan mengapa monomer seperti alkil vinil ethes dan  $\alpha$ -metil stirena tidak sesuai bagi pempolimeran radikal bebas tetapi sesuai bagi pempolimeran kationik.

[20 markah]

- (b) Anggarkan perubahan  $r_p$  dan  $\bar{X}_n$  bagi satu pempolimeran homogen radikal bebas apabila suhu ditingkatkan daripada  $60^\circ\text{C}$  kepada  $70^\circ\text{C}$ . (Anggap  $(E_p - E_t/2) = 5\text{ k cal/g mol}$ ,  $E_d = 30 \text{ k cal/g mol}$ , dan  $R = 1.99 \text{ cal/g mol K}$ ).

[50 markah]

5. (c) Peningkatan suhu bagi satu pempolimeran homogen radikal bebas menurunkan purata panjang rantai. Jelaskan secara kinetika.

[30 markah]

6. (a) Perihalkan perosotan termal poli (metil metakrilat).

[40 markah]

- (b) Namakan 2 polimer yang tidak mengalami pengguntingan rantai apabila tindakan termal dikenakan. Tunjukkan perubahan struktur yang terhasil.

[20 markah]

- (c) Apakah yang mungkin berlaku apabila getah asli terepoksida ditindakbalaskan dengan asid hidroklorik?

[20 markah]

- (d) Kirakan berat etilina diamina yang diperlukan untuk mematangkan 100 g Epikote 1001 jika epoksida setara (epoxide equivalent) resin ini ialah 500.

[20 markah]

$$r_i = 2fk_d[I]$$

$$r_p = k_p[M][P.]$$

$$r_t = 2k_t[P.]^2$$

$$\frac{-d[M]}{dt} = k_p \left[ \frac{fk_d[I]}{k_t} \right]^{1/2} [M]$$

$$\ln \frac{[M]}{[M_o]} = \frac{2k_p}{k_d} \left[ \frac{fk_d[I_o]}{k_t} \right] \left[ e^{-(k_d/2)t} \right]$$

$$\ln \frac{[M]}{[M_o]} = -k_p \left[ \frac{fk_d[I_o]}{k_t} \right]^{1/2} t$$

$$= \frac{k_p[M]}{2(fk_dk_t)^{1/2}[I]^{1/2}}$$

$$\bar{x}_n = \frac{k_p[M]}{a(fk_dk_t)^{1/2}[I]^{1/2}}$$

$$a = \frac{k_{tc} + 2k_{td}}{k_t}$$

$$\frac{d \ln r_p}{dT} = \left[ \frac{E_p + (E_d/2) - (E_t/2)}{RT^2} \right]$$

$$\frac{d \ln X_n}{dT} = \left[ \frac{E_p - (E_d/2) - (E_t/2)}{RT^2} \right]$$

$$E_a = 1/2 E_d + (E_p - 1/2 E_t)$$

$$r_{tr} = k_{tr} [R' : H] [P.]$$

$$r_{td} = 2 k_{td} [P.]^2$$

$$r_{tc} = 2 k_{tc} [P.]^2$$

ooooooooooooooo